

26/03/1999

Dr Mahathir lawat Terengganu Jun

KUALA TERENGGANU, Khamis - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka mengadakan lawatan rasmi ke Terengganu, Jun ini.

Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, berkata tarikh sebenar lawatan Dr Mahathir ditentukan kemudian.

"Lawatan ini sebahagian daripada siri lawatan Dr Mahathir ke seluruh negara," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Ekspo Pendidikan Lanjutan, Latihan dan Kerjaya Pantai Timur di Stadium Negeri, di sini, semalam.

Sementara itu, Wan Mokhtar yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri berkata, Umno belum bercadang mengadakan kempen pilihan raya sebagaimana kini giat dilakukan parti pembangkang di negeri ini.

Katanya, Umno tidak perlu terburu-buru berkempen kerana rakyat sudah mengetahui kebaikan kerajaan yang diperintah Barisan Nasional (BN).

"Pemimpin BN sibuk melaksanakan tugas yang diamanahkan rakyat menyebabkan mereka kesuntukan masa untuk berkempen.

"Tidak seperti pemimpin parti pembangkang yang tidak mempunyai tanggungjawab dan tugas sebagaimana pemimpin Umno. Sebab itulah mereka boleh menghabiskan masa untuk mengadakan kempen lebih awal seolah-olah pilihan raya akan diadakan dalam tempoh terdekat," katanya.

(END)